KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	09.03.22	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	JKPTG			



MIOR Faridalathrash dan Azmi (kanan) melihat runtuhan kuari batu kapur dalam kejadian di kawasan kuari di Karamat Pulai, Simpang Pulai.

RUNTUHAN BATU DI TAPAK KUARI

Operasi SAR tangguh

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh

Pergerakan tanah yang dikesan di lokasi insiden runtuhan batu di kawasan kuari, dekat Keramat Pulai, Simpang Pulai di sini, semalam menyebabkan operasi mencari dan menyelamat (SAR) dua mangsa yang ditimbus dijangka memakan masa sehingga dua hari.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, operasi SAR yang dimulakan sejak pagi semalam ditangguhkan berikutan pergerakan tanah dikesan melalui kajian Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

Katanya, selain itu hujan memungkinkan waktu operasi memakan lebih masa.

"Kajian dibuat sama ada kami boleh meneruskan operasi SAR atau sebaliknya, walaupun operasi SAR sebenarnya dimulakan sejak pagi (semalam).

"Saya difahamkan oleh bomba bahawa pasukan Smart (Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia) juga dibabitkan sama dalam operasi ini.

"Kami hendak tahu *clearance* (penjelasan) terlebih dahulu sebelum proses mengeluarkan mangsa dilakukan. Kami tidak mahu usaha menyelamat kelak menyebabkan kecederaan kepada pasukan SAR," katanya dalam sidang media di lokasi kejadian semalam.

Turut hadir Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Perak, Azmi Osman.

Ditanya mengenai punca insiden, Mior Faridalathrash berkata, tiada proses letupan kuari dibuat semalam, sebaliknya runtuhan berlaku mungkin disebabkan pelbagai faktor lain.

Katanya, syarikat yang menjalankan kerja kuari di situ mempunyai lesen sah.

Dalam kejadian sekitar jam 9.15 pagi semalam, dua pekerja kuari terselamat termasuk seorang daripadanya patah kaki manakala dua lelaki yang masing-masing berusia 43 dan 48 tahun dikhuatiri tertimbus.



WAK Uda

Seorang daripada dua mangsa tertimbus dikenali sebagai Itam Balasoh, 43, lelaki Orang Asli bekerja sebagai pemandu jengkaut di kuari berkenaan.

Isteri mangsa, Wak Uda Bahkim, 41, ketika ditemui di lokasi kejadian, berkata, dia mendapat berita kejadian menimpa Itam daripada bapa, Bahkim Kipak selepas dimaklumkan rakan sekerja suaminya.

Katanya, kali terakhir dia berjumpa dengan suami jam 7 pagi semalam di rumah mereka di Kampung Jelintuh, Gopeng ketika menyediakan sarapan sebelum Itam pergi ke tempat kerja menaiki motosikal.

"Ketika diberitahu sesuatu menimpa suami, saya bersama adik dan bapa mentua bergegas ke sini tanpa saya mengetahui apa berlaku.

"Sebelum tiba di lokasi, saya diberitahu suami tertimbus runtuhan batu. Suami bekerja di sini sebagai pemandu jengkaut sejak dua tahun lalu," kata ibu empat anak berusia antara dua hingga 15 tahun itu.

Seorang pekerja kuari berkenaan dikenali sebagai Razali yang berada di lokasi ketika kejadian berkata, dia dikejutkan bunyi letupan, tetapi berbeza bunyi letupan kuari yang biasa didengar.

"Bunyi macam letupan kedengaran hanya sekali, dalam hati ini apabila menyaksikan runtuhan sebegitu hanya fikirkan kawan (mangsa) yang berada di bawah berhampiran lokasi itu," katanya.